

15 FEB 1999

MDC-MODAL TEROKA

MDC AKAN LANCAR DANA MODAL TEROKA TIDAK LAMA LAGI

CYBERJAYA, 15 Feb (Bernama) -- Multimedia Development Corporation Sdn Bhd (MDC), yang menguruskan Koridor Raya Multimedia (MSC), akan melancarkan dana modal teroka (MT) tidak lama lagi untuk membantu menyediakan modal awal kepada syarikat-syarikat yang baru mendapat status MSC serta pra-MSC.

Pengerusi eksekutif MDC, Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah berkata dengan demikian, MSC Venture Corporation Sdn Bhd telah dibentuk sebagai anak syarikat milik penuh MDC bagi menguruskan dana modal teroka itu.

"Kami berharap untuk mendapat buat permulaannya RM100 juta bagi dana (modal teroka)," katanya kepada pemberita selepas MDC, Asia-Pacific Information Technology and Telecommunications Corporation (APIT&T) yang berpangkalan di Australia dan Asia-Pacific Information Technology Awards (APITA) memeterai satu perjanjian di sini.

Perjanjian itu adalah bagi pembentukan satu program anugerah yang dipanggil Anugerah Teknologi Maklumat dan Telekomunikasi Koridor Raya Multimedia Asia Pasifik (APMITTA). Majlis itu disaksikan oleh Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Leo Moggie.

Dr Othman berkata pelan komprehensif bagi MT telahpun diluluskan oleh Majlis Pelaksanaan MSC, yang diketuai oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau juga berkata beberapa peserta industri telah menyediakan beberapa jumlah modal bagi dana MT, manakala MDC memutuskan untuk menyediakan RM5 juta.

"Satu pelan perniagaan bagi MT teroka itu telah diluluskan dan satu pasukan petugas yang diketuai oleh Sarina Karim daripada MDC telah dilantik untuk mengendalikan MSC Venture Corporation. Kami berharap mereka boleh mendapat pembiayaan yang diperlukan dalam tempoh beberapa bulan ini," tambah Dr Othman.

Dengan dana modal teroka awal sebanyak RM100 juta, beliau berkata MDC boleh melancarkan sokongan sebenar bagi syarikat-syarikat baru dan syarikat Teknologi Maklumat lain yang masih di peringkat awalan, dalam tempoh enam bulan.

Dana modal teroka itu yang dijangka memperolehi momentum operasi sebenar menjelang suku tahunan ketiga tahun ini, juga akan membantu operasi permulaan bagi syarikat Teknologi Maklumat bersaiz kecil dan sederhana untuk mendapatkan status Tawaran Awal Permulaan (IPO) di Bursa Dagangan Sekuriti dan Sebut Harga Automasi Malaysia (Mesdaq) yang bakal dilancarkan tidak lama lagi.

"Bursa ini (Mesdaq), di mana adalah sebuah bursa saham yang berasaskan Internet dan membabitkan penyenggaraan syarikat berkaitan teknologi yang tidak memerlukan rekod prestasi kewangan, adalah satu lagi landasan bagi syarikat IT untuk memasuki dana ekuiti baru bagi pertumbuhan seterusnya," jelasnya.

Mengenai perkembangan lain, Dr Othman berkata pembinaan kompleks inkubator pusat, di sini, kini sedang rancak berjalan. Ia dijadualkan siap sepenuhnya sebelum pembukaan rasmi Cyberjaya pada Jun tahun ini.

"Kami sedang membuat penyelidikan di atas sebidang tanah yang telah dikenalpasti," katanya.

Dr Othman tidak menyebut jumlah kos pembangunan kompleks inkubator itu tetapi hanya menyatakan kos pembinaan bangunan itu sahaja kira-kira RM15 juta.

-- BERNAMA

RIZ ZK 0S